



## INTERNATIONAL JOURNAL OF HUMANITIES, PHILOSOPHY AND LANGUAGE (IJHPL)

[www.ijhpl.com](http://www.ijhpl.com)



# REALITI SOSIAL WATAK WANITA DALAM CERPEN “KA-MANAKAH TERBANGNYA SI BURONG SENJA” DARIPADA LENSA TAKLIF

*THE SOCIAL REALITY OF THE WOMAN CHARACTER IN THE SHORT STORY  
“KA-MANAKAH TERBANGNYA SI BURONG SENJA” FROM THE LENS OF  
TAKLIF*

Ros Anita Karini Mohamed<sup>1\*</sup>, Abdul Halim Ali <sup>2</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Malaysia  
Email: g-60324931@moe-dl.edu.my

<sup>2</sup> Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Malaysia  
Email: halim.ali@fbk.upsi.edu.my

\* Corresponding Author

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 19.09.2021

Revised date: 07.10.2021

Accepted date: 25.10.2021

Published date: 05.12.2021

#### To cite this document:

Mohamed, R. A. K., & Ali, A. H. (2021). Realiti Sosial Watak Wanita Dalam Cerpen “Ka-Manakah Terbangnya Si Burong Senja” Daripada Lensa Taklif. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 4 (16), 47-56.

DOI: 10.35631/IJHPL.416003.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



### Abstrak:

Makalah ini akan mengetengahkan karya kreatif ‘Ka-mana Terbangnya Si Burong Senja’ karya A. Samad Said yang menampilkan isu keruntuhan moral. Cerpen kajian dilihat sebagai satu wacana hak asasi manusia yang dapat memberi kesedaran kepada masyarakat berkenaan hak-hak asasi manusia dalam pembentukan dinamik sosial dan budaya melalui paparan watak dan perwatakan masyarakat tidak bermoral penuh signifikan. Karya A. Samad Said perlu dihayati dari segi pemaknaan dalamannya. Kerangka *Taklif* akan digunakan untuk membincangkan hasil dapatan kajian kerana dalam pandangan Islam pada prinsipnya alam semesta ini milik Tuhan yang Maha Esa. Dengan menggunakan pendekatan analisis teks, kajian akan melakukan belokan ke dalam dan membawa pembaca supaya lebih terbuka mindanya membaca mesej pengarang dari lensa keislaman yakni kembali kepada pencipta dalam proses pembentukan sahsiah.

### Kata Kunci:

*Taklif, Sahsiah, Karya Kreatif, Keruntuhan Moral, Pelacur*

**Abstract:**

This paper will highlight the creative work ‘Ka-mana Terbangnya Si Burong Senja’ by A. Samad Said which features the issue of moral collapse. The short story of the study is seen as a human rights discourse that can provide awareness to society regarding human rights in the formation of social and cultural dynamics through the display of character and characterization of a fully significant immoral society. The work of A. Samad Said needs to be appreciated in terms of its inner meaning. The Taklif framework will be used to discuss the findings of the study because, in the Islamic view, in principle, the universe belongs to the One True God. By using a text analysis approach, the study will turn inward and bring the reader to be more open-minded in reading the author’s message from the lens of Islam, which is back to the creator in the process of personality formation.

**Keywords:**

Taklif, Personality, Creative Work, Moral Collapse, Prostitution

## Pengenalan

Sejak sebelum merdeka lagi, kesusasteraan Melayu amat pesat perkembangan genre kreatifnya. Karya kreatif merupakan wacana yang lahir atas pernyataan seni yang dipandu oleh cita rasa bagi menampilkan pengalaman, pengetahuan, cita-cita, amanat tentang persoalan hidup manusia oleh pengarang kepada khalayak pembaca. Sehingga kini, kajian menampilkan tema keruntuhan moral menerusi karya kreatif masih perlu diberi perhatian secukupnya untuk dikaji. Apatah lagi, karya kreatif yang mengangkat tema kejahanatan dan kejelikan seperti pekerja seks atau pelacuran dianggap sebagai karya yang bermutu rendah. Karya-karya kreatif di Malaysia yang mengangkat wanita Melayu sebagai ‘objek seks’ mahupun ‘pekerja seks’ telah dihasilkan sebelum merdeka lagi seperti *Hikayat Faridah Hanom* (1925), dan *Iakah Salmah?* (1928). Senario ini berterusan selepas merdeka hingga kini seperti dalam *Salina* (1961), *Desa Pingitan* (1964), *Kuala Lumpur Kita Punya* (1967), *Terdedah* (1965), *Ka-mana Terbangnya Si Burong Senja* (1966), *Bila Hujan Malam* (1976), *Sami Mekong* (1976), *Langit Petang* (1980), *Rantok* (1980), *Sakura Mengorak Kelopak* (1987), *Tok Guru* (1988), *Patriarch* (1991), *TIVI* (1995), *Sutan Baginda* (1997), *Ummi dan Abang Syeikhul* (1992), *Gami* (1993), *Kawin-kawin* (2002), dan *Orang Kota Bharu* (2005). Wanita sebagai ‘objek seks’ mahupun ‘pekerja seks’ yang dihadirkan dalam karya-karya tersebut terdiri daripada wanita Melayu. Kehadiran watak-watak wanita Melayu sebagai pekerja seks dalam karya-karya kreatif ini menyamai panggilan ‘pelacur’ pada masa kini dalam masyarakat kerana golongan ini terkait dengan aktiviti memberi perkhidmatan seks. Daripada pemerhatian kajian ini, pengkaji mendapati penggalian dan penyelidikan terhadap karya kreatif yang mengetengahkan tema pelacuran wanita Melayu secara mendalam masih belum memadai. Perbincangan para sarjana terhadap tema pelacuran lebih cenderung untuk memanifestasikan wanita Melayu hanya daripada satu sudut yakni sebagai objek seks secara paksa rela. Justeru itu, fokus kajian ini ialah untuk melihat motif penggarapan aktiviti pelacuran dalam kesusasteraan Melayu Moden pada tahun 1950an dalam karya kreatif kajian dan impaknya yang terus berlaku ke atas masyarakat hingga kini seperti paparannya dalam novel kajian menerusi kerangka *Taklif*.

## Kajian Literatur

Pekerja seks diperlihatkan masih tidak mendapat perlindungan di Malaysia walaupun “*Convention on The Elimination of All Forms of Discrimination against Women*” (CEDAW) 1981 diiktiraf di Malaysia. Hal ini kerana pekerjaan tersebut dianggap bertentangan dengan nilai moral masyarakat Malaysia. Tetapi setiap orang memiliki kebebasan untuk memilih pekerjaan apa yang ingin dipilih untuk dijalankan agar dapat mempertahankan kehidupannya (2013). Kebebasan tersebut seakan tanpa batas sehingga kegiatan pelacuran pun dipilih selagi ianya dapat mempertahankan hidup dan kehidupan seseorang. Walaubagaimanapun, tidak dapat dinafikan hingga saat ini bekerja sebagai pelacur merupakan pekerjaan yang sama sekali dilarang kerana bertentangan dengan moral, agama, dan budaya terutama dalam kalangan orang Melayu yang beragama Islam di Malaysia.

Dengan menyingkap sejarah, sebenarnya kerjaya pekerja seks didapati telah wujud di Melaka pada abad ke-16 lagi (1998). J.M Gullick telah membuktikan bahawa pekerja seks wujud sebelum kedatangan British dan mereka memberi perkhidmatan seks kepada golongan atasan, pembesar, askar yang terdiri daripada golongan hamba, gundik, orang gaji dan dayang yang mengiringi pembesar dan raja (1970). Selain itu, wujud juga kerjaya pekerja seks di Tanah Melayu seperti di Pulau Pinang 1780 (1974).

Mohd Faizal Musa (2019) juga ada menulis mengenai kegiatan pelacuran di Kelantan sejak dekad 30an. Beliau menyatakan, “bahawa pada tahun 1930an Kelantan sebuah negeri terawal yang telah mempunyai kaedah menangani pelacuran”. Hal ini terlihat pada Notis Nombor 26 Tahun 1916: apabila laki-laki dan perempuan “jahat” yang dikeluarkan atas perkenan Sultan Muhamad IV. Notis ini memberi kuasa penuh kepada Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu tanpa waran ‘dengan kuasa sendiri’ atau “dengan pertolongan mata-mata” untuk menangkap laki-laki dan perempuan berkhawat. Sementara itu dalam Notis Nombor 3 Tahun 191 pula memperlihatkan betapa para wanita diusir dalam keadaan sulit. Wanita-wanita “pekerja seks” ini dihalau dari Kota Baharu dan mereka akan berpindah ke tempat atau lokasi lain untuk melacur. Hal ini meletakkan para wanita yang diusir ini dalam keadaan sulit. Jika mereka dihalau dari Kota Baharu, mereka akan berpindah katakan ke Selihong dan melacur pula di situ; atau jika mereka ditangkap dan dihukum di Pasir Putih atau mereka akan terpaksa ke Kedai Banggol untuk menjaja tubuh. Adapun, ini berkaitan dengan dasar British yang menggalakkan rumah pelacuran pada tahun 1900-1927 tanpa sekatan yang akhirnya telah mewujudkan kerancakan lagi kegiatan pekerja seks atau pelacuran kerana mendapat permintaan yang tinggi terhadap sektor ini (2010).

Ini bermakna “pekerja seks” yang menyumbang kepada aktiviti pelacuran di Malaysia sudah wujud sejak sekian lama seperti yang dirakamkan oleh pengarang menerusi cerpen kajian. Untuk memberi jalan tengah kepada permasalahan kewujudan pelacuran yang bercanggah dengan agama Islam, maka kajian ini mengetengahkan kerangka *Taklif* di bawah teori Persuratan Baru untuk melihat isu ini agar kembali kepada kearifan tempatan. Dalam makalah ini, sebuah karya kreatif A. Samad Said yang diterbitkan pada tahun 1966 berjudul ‘Kamanakah Terbangnya Si Burong Senja’ dikemukakan sebagai menunjukkan bahawa tuntutan hak asasi manusia untuk pekerja seks dan daripada pekerja seks tidak asing malahan telah wujud dalam kalangan orang tempatan khususnya orang Melayu sejak dahulu lagi.

### Persuratan Baru: Satu Kerangka Analisis

Gagasan Persuratan baru (PB) tercetus daripada reaksi Mohd. Affandi terhadap kesusasteraan Melayu moden, yang dianggapnya cenderung terhadap Barat. Kecenderungan ini dianggap menyebabkan karya sastera Melayu memperagakan nilai bertentangan dengan Islam. Mohd. Affandi mengajukan PB, yang pada dasarnya bertujuan untuk menghidupkan semula tradisi persuratan Islam dalam kegiatan sastera Melayu hari ini. Dalam merealisasikan tujuan ini, PB menekankan tiga falsafah, iaitu "Hakikat Insan", "Hakikat Ilmu dan Amal" dan "Hakikat dan Fungsi Sastera". Ketiga-tiga falsafah ini diikat pada prinsip *Taklif* yang merujuk kepada keterikatan manusia dengan Penciptanya yakni Allah SWT (2008). Salah satu aspek penting dalam pembahasan (ilmu) fiqh ialah tentang taklif dan mukallaf sebab, sasaran hukum-hukum syara' sebagaimana terkandung dalam konsep fiqh sebagai ilmu, ialah perbuatan mukallaf (*al-Ahkam al-Syari'at al-Amaliyat*). Artinya, hukum-hukum syara' yang ditetapkan itu ialah mengenai perbuatan manusia (mukallaf). Hukum-hukum syara' yang mengatur dan mengenai perbuatan manusia itu mempunyai kekuatan mengatur dan "memaksa" melalui taklif. Sedangkan yang dimaksud *Taklif* (تکلیف) ialah, penetapan beban atas penerima titah (*al-Mukhatthab*) (1998). Dari pengertian di atas dapat dirumuskan bahwa *taklif* ialah *Khithab* syara' yang isinya tuntutan (طلب) yang mengandung pembebanan atas penerima *khithab* (*al-Mukhatthab*). Unsur-unsur yang terkandung dalam konsep atau pengertian *Taklif* tersebut ialah: titah syara' (*khithab al-Syara'*), penerima titah (*al-Mukhatthab*), dan pembebanan (*al-Katfah*). Titah syara' ialah khithab Allah yang isinya tuntutan untuk (harus) dilakukan, untuk ditinggalkan, untuk dilakukan atau ditinggalkan dengan kapasiti yang sama. Penerima titah itu (*al-Mukhatthab*) ialah pihak yang tidak bisa menghindar untuk menerima dan melaksanakan tuntutan yang terkandung dalam *khithab* itu. Sedang pembebanan ialah bahwa, tuntutan *khithab* itu mempunyai kekuatan memaksa dan, karena kekuatkan itulah maka tuntutan *khithab* menjadi beban yang harus ditanggung atau dipikul oleh pihak penerima *khithab*. Dari ketiga unsur tersebut dapat ditentukan bahwa, persoalan yang berhubungan dengan karakter amalyahnya, hukum-hukum syara' meliputi persoalan-persoalan *Taklif*, mukallaf, dan hukum-hukum taklifi (1998). Manakala ada yang menyebut *al-Taklif* dengan mengambil secara langsung perkataan dari perspektif Islam namun tetap membawa pendefinisan sebagai salah satu konsep yang penting dalam bidang Pemikiran Islam dan ia mempunyai hubungan langsung dengan konsep keadilan Allah (al-'Adl al-Ilahi) dan juga perbuatan Allah (af'al-Allah) dan perbuatan manusia (af'al-ibad) yang biasanya akan dibahaskan secara mendalam dalam bab rukun Iman keenam iaitu Keimanan kepada al-Qada' dan al-Qadr' (2009). Pengertian *Taklif* dalam kitab Shah Wali Allah al-Delhi r.h (lahir pada 1703 dan meninggal pada tahun 1762) bertajuk Hujjat Allah Al Baligha atau diterjemahkan oleh Marcia K. Hermansen (seterusnya Hermansen) sebagai *The Conclusive Argument from God* (1996). Kajian ini menggunakan terjemahan Hermansen bagi mengupas pengertian dan pemahaman *Taklif* yang diperjelaskan oleh Shah Wali Allah al-Delhi r.h.. Menurut Shah Wali Allah al-Delhi r.h., *Taklif* merujuk kepada "rahsia kebertanggungjawaban agama ke atas diri manusia". Keber tanggungjawaban agama ini merujuk kepada kesanggupan manusia untuk menyembah Allah S.W.T sepanjang kehidupan mereka di muka bumi. Kesanggupan ini diserahkan pada "perjanjian azali" (*primodial covenant*) yang termeterai antara manusia dengan Penciptanya, sebagaimana yang diperjelaskan dalam Al-Quran Surah Al-A'raaf, Ayat 172 yang antara lain bermaksud;

Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam dari (tulang) belakang mereka, dan ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka, dan ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (Firman-Nya);  
Bukankah Aku Tuhan kamu? Mereka menjawab: Benar, kami menjadi saksi.

Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari Kiamat kelak:  
Sesungguhnya kami orang yang lalai tentang (hakikat tauhid) ini (Tafsir Al-Quran, 2010).

Ayat Al-Quran di atas secara jelas menyatakan bahawa Allah S.W.T telah meminta pengakuan terhadap setiap roh manusia dengan pertanyaan, *alastu bi rabbikum* (Bukankah Aku ini Tuhanmu?). Al-Quran menjelaskan bahawa pertanyaan Allah S.W.T ini kemudian dijawab oleh setiap roh manusia dengan kesanggupan untuk memperakukan keesaan Allah S.W.T., sebagaimana yang terkandung dalam ungkapan, *bala shahidna* (Betul (Engkau Tuhan kami, kami menjadi saksi)). Dengan pengakuan serta kesanggupan ini, terpikul di atas bahu manusia kebertanggungjawaban agama (*divine accountability and responsibility*) yang diungkap oleh Al-Delhi sebagai *Taklif* (2016). Berdasarkan kepada pandangan Shah Wali Allah al-Delhi r.h. ini, Mohd Affandi menjelaskan bahawa manusia secara fitrahnya cenderung melaksanakan kebaikan atau kemakrufan. Terangkum dalam kebaikan atau kemakrufan ini ialah keadilan yang tertegak melalui daya usaha manusia yang diasaskan kepada ilmu yang benar, atau disebut sebagai ikhtiar (2014). Hal ini bererti, tiga perkara pokok mendasari kerangka *Taklif* iaitu, keadilan, daya usaha (ikhtiar), dan ilmu yang benar. Ketiga-tiga perkara ini saling berkaitan dalam melahirkan perbuatan baik atau makruf, sejajar dengan fitrah manusia sendiri.

## Metodologi

Metod yang digunakan dalam penelitian makalah ini adalah metod analisis deskriptif, iaitu penelitian yang bertujuan untuk menjelaskan atau mendeskripsikan suatu keadaan atau peristiwa, objek baik berupa orang atau segala sesuatu yang terkait dengan pembolehubah-pembolehubah yang boleh dijelaskan dengan angka-angka maupun kata-kata (1993a). Menurut Semi lagi (1993b), penelitian kualitatif dilakukan dengan tidak mengutamakan angka-angka, tetapi menggunakan kedalaman penghayatan terhadap interaksi antara konsep yang sedang dikaji secara empikal. Ciri penting penelitian kualitatif dalam kajian sastera antara lain; penelitian dilakukan secara deskriptif, yakni terhurai dalam bentuk kata-kata atau gambar jika diperlukan, bukan bentuk angka; lebih mengutamakan proses dibandingkan hasil, kerana karya sastera merupakan fenomena yang banyak mengandungi penafsiran; analisis secara induktif; dan makna merupakan andaian utama (2011). Justeru, analisis kepustakaan dibuat dengan kaedah penghuraian secara deskriptif berdasarkan kepada karya kreatif A. Samad Said berjudul ‘Ka-manakah Terbangnya Si Burong Senja’ (1966). Cerpen ini merupakan salah sebuah karya kreatif A. Samad Said yang jarang dikaji dalam dunia kesusteraan Melayu di Malaysia.

## Analisa Hubungan Teks Kajian Dengan Kerangka Taklif

Pengamatan melalui karya kreatif ‘Ka-manakah Terbangnya Si Burong Senja’ (1966), teks ini dipilih untuk dianalisa dalam makalah ini kerana kajian mendapati karya kreatif ini memaparkan realiti sosial di Tanah Melayu sekitar tahun 1960an menggaluri keseluruhan plot cerita. Antara realiti sosial yang digambarkan oleh pengarang ialah tentang perwatakan wanita Melayu dan bangsa lain di Malaysia sebagai “pelacur”. Hal ini menjadi landasan Mohd Affendi di bawah teori Persuratan Baru (PB) menarik pembaca dan pengamat keusasteraan Melayu memikirkan semula dengan meletakkan kegiatan penulisan karya sastera sebagai satu bentuk ibadah manusia kepada Allah SWT. Bersesuaian dengan kedudukannya sebagai satu ibadah, kegiatan sastera dituntut menyampaikan ilmu yang benar, sebagaimana yang telah dijelaskan. Tuntutan ini memberikan makna serta fungsi sastera di sisi Islam termasuk memetakan batas tertentu dalam penulisan, sejajar dengan nilai Islam (2017). Menurut Mohd. Affandi dalam konteks penulisan karya kreatif, batas-batas ini meliputi aspek penampilan

fizikal, aspek tingkah laku, dan aspek persepsi watak-watak dalam karya kreatif seperti cerpen (2005; 2008).

Penulisan makalah ini dibataskan kepada teks ‘Ka-manakah Terbangnya Si Burong Senja’(1966) kerana kajian mendapati teks ini banyak merakamkan gambaran realiti sosial masyarakat Malaysia khususnya tentang masyarakat Melayu selepas merdeka. Masyarakat Melayu pada ketika itu digambarkan jalani kehidupan yang bebas nilai dan ruang dalam pergaulan tanpa batasan jantina (2018). Pernyataan ini menggambarkan bahawa berlakunya pergaulan bebas antara lelaki dan wanita di kalangan masyarakat Melayu, yang digambarkan semula oleh pengarang di dalam cerpen ‘Ka-mana Terbangnya Si Burong Senja’. Dalam teks ‘Ka-mana Terbangnya Si Burong Senja’, A. Samad Said merakamkan latar pergaulan bebas masyarakat setinggan yang terdiri daripada golongan bawahan seperti penarik beca, penjual rokok, penjual kuih, penarik kereta sewa, penganggur, ibu ayam, pelacur, pelayan dan orang kurang siuman. Bagi golongan wanita pula, dilukiskan sebagai suri rumah sepenuh masa atau pelacur. Masyarakat yang mendiami Kampung Alang Sunti ini terdiri daripada pelbagai kaum iaitu, Melayu, Cina dan India dan bergaul bersama tanpa bersifat sendeng antara satu sama lain.

Seterusnya, turut ditemui pada cara hidup orang Melayu di Kampung Alang Sunti yang memperlihatkan bahawa pelaksanaan hukum agama sepetimana yang termaktub di dalam Perlembagaan, yakni agama Islam sebagai agama rasmi tidak jelas diamalkan. Justeru, watak-watak yang dirakamkan menerusi teks ‘Ka-manakah Terbangnya Si Burong Senja’(1966) memperlihatkan kaum yang hadir dalam karya kajian tiada satu kekuatan dalam hala tuju pembinaan kemoralan sosial dan sahsiah. Orang-orang Melayu khususnya digambarkan dalam teks terpilih kajian berada dalam kekeliruan mencari identiti diri. Golongan ini dilihat terumbang-ambil walaupun mereka menyedari tentang erti dosa dan pahala sebagai pengikut fahaman Islam yang patuh, seperti dalam perbualan watak tersebut; “Ka...kata orang, kita orang Islam masuk syurga akhirnya,” (1966a) dan dialog Ramisah; ‘Baru tiga empat tahun dululah dia sembahyang. Itu pun sembahyang sahaja tonggang tonggek, tonggang tonggek. Hatinya masih kaudu. Baik lagi hati kita semua kata Ramisah,’ (1966b).

Pada masa sama, A. Samad Said telah menghadirkan watak seorang lelaki kurus berbangsa Melayu yang dikatakan beragama Islam serta memakai “songkok” sebagai pelanggan pemuasan nafsu seks di Kampung Alang Sunti. Gambaran pengarang dalam teks kajian adalah relevan membuktikan bahawa, teks sastera tidak menolak wacana Islam, malahan wacana Islam juga dihadirkan. Namun kehadiran watak lelaki beragama Islam dan bersongkok memberi signifikan kepada kehidupan masyarakat yang disifatkan hanya bertopengkan agama. Watak lelaki Melayu golongan tersebut juga tidak terlepas peluang dengan menjebakkannya dalam kegiatan pemuasan hawa nafsu melanggani pelacur-pelacur di Kampung Alang Sunti kerana atas dasar nama “manusia”, yang mempunyai nafsu. Konflik kelonggaran pelaksanaan amalan agama turut digambarkan oleh A. Samad Said pada pengucapan watak Tengku Shaion (ibu ayam), di bawah;

“Tengku Shaion menceritakan bagaimana semasa berusia enam tahun lagi, dia telah membuat perhubungan kelamin di kampungnya dengan anak guru mengajinya di dalam kandang lembu di belakang rumah pada waktu maghrib,”

(1966c)

Adapun hal ini disifatkan oleh Mohd. Affandi telah mengangkat aktiviti keruntuhan moral masyarakat tempatan sebagai budaya yang bertentangan dengan syariah sedangkan Islam memberikan penghormatan yang tinggi kepada manusia kerana Allah telah membekalkan kepadanya kudrat yang istimewa sebagaimana firman-Nya yang bermaksud:

”Sesungguhnya Kami telah memuliakan (martabat) anak Adam. Kami memudahkannya meneroka daratan dan lautan. Kami murahkan rezekinya dengan segala (nikmat anugerah) yang baik-baik; malah Kami berikan kepadanya kelebihan yang berganda berbanding makhluk-makhluk lain yang Kami cipta. (Surah Al-Israq; ayat 70).

Mohd. Affandi menegaskan lagi bahawa pendidikan estetika meneliti karya sastera dari segi maknanya yang mampu membentuk manusia yang hidup dalam keadaan beradab (2005). Makna itu pula dilihat dari dua sudut iaitu *makna dari segi struktur luaran* dan *juga makna dari segi perutusan*. Perutusan ini menjurus kepada penelitian terhadap isi, falsafah, mesej, moral dan sebagainya yang terdapat dalam karya sastera. Bahagian inilah yang mencirikan kebenaran menurut pendekatan tauhid sepertimana yang digariskan oleh Islam. Dengan kata lain, sebenarnya sastera Islam lebih menumpukan aspek perutusan yang dibawa oleh karya sastera kerana bahagian inilah yang akan memberi impak positif dalam kehidupan manusia. Walaupun pelacur juga adalah manusia biasa yang perlu diberi layanan yang baik agar mereka kembali ke pangkal jalan dan fitrah azali. Bagaimanapun kemuliaan manusia sepertimana yang disebut dalam Al-Quran adalah berkait rapat dengan komitmennya kepada akidah iaitu bergantung kepada darjat taqwa dan penerimaannya terhadap hidayah Rasul dan manhaj wahyu. Allah S.W.T berfirman yang bermaksud:

“Kemudian Kami kembalikan semula (martabat manusia) ke darjat yang paling terkebawah. Kecuali orang-orang yang beriman, beramal saleh maka mereka akan mendapat habuan ganjaran yang tidak akan diungkit-ungkit lagi (oleh sesiapapun).”(Surah At-Tin; ayat 5-6).

Ayat di atas jelas memperlihatkan aktiviti pelacuran dalam kalangan watak wanita dalam teks kajian jauh menyimpang dengan lunas kehidupan masyarakat tempatan yang berpaksikan kepada Islam sebagai pasak bumi. Justeru, terangkum dalam prinsip *Taklif* ialah “ikhtiar” (atau pilihan yang berdasarkan “ilmu yang benar”) seseorang wanita dalam memilih pekerjaan yang tepat serta sesuai dengan keadaan biologi serta keupayaan jasmani mereka. Pilihan yang tepat (berasaskan “ilmu yang benar”) dianggap sebagai satu “keadilan” menurut Islam (2017). Justeru dalam usaha memahami mesej bagi mengenalpasti adakah kemungkinan ianya satu signifikan dihadirkan oleh pengarang, pengkaji mendapti agar bacaan teks ini seharusnya dilakukan secara belokan ke dalam. Teks kajian harus dibaca menerusi lensa kerangka *Taklif* Mohd Affandi Hassan yang mempertahankan kekuasaan Allah S.W.T dengan menyebut bahawa Allah menciptakan kaum wanita dengan keadaan biologi serta keupayaan jasmaninya yang tersendiri dan berbeza dengan lelaki. Keadaan biologi serta kemampuan jasmani manusia menjadi pertimbangan penting dalam mengatur urusan kehidupan.

Namun, terdapat beberapa perkara yang mendorong wanita-wanita tersebut terlibat dalam aktiviti sebagai pekerja seks. Pertamanya, faktor ekonomi lantaran setelah kematian suami. Kemiskinan yang membuat seseorang memilih untuk mendapatkan kemewahan dengan cara yang cepat dan mudah tanpa keperluan kemahiran khusus atau latar belakang pendidikan yang baik. Hal ini memaksa wanita tersebut keluar dari kesulitan hidup dengan mencari pekerjaan yang dapat memberi sesuap nasi dan kesenangan. Keadaan ini digambarkan oleh pengarang yang rata-ratanya penghuni Kampung Alang Sunti tidak memiliki pendidikan walaupun pada peringkat sekolah kampung. Pendidikan di sini adalah seperti kurang pendidikan formal dan pendidikan agama sehingga mengakibatkan kurangnya etika dan moral seseorang sehingga dengan mudahnya memilih untuk menjadi seorang pekerja seks. Keduanya, adalah faktor sosial yang merangkumi faktor keretakan dalam keluarga akibat perceraian dan kurangnya kasih sayang orang tua kepada anak yang mendorong anak terjerumus dalam kehidupan sebagai pekerja seks. Dalam hal ini, seseorang yang kekurangan kasih sayang, biasanya akan mencari individu lain yang berlainan jantina untuk mendapatkan kasih sayang yang diperlukan. Seterusnya faktor ketiga adalah faktor politik. Kepincangan dan keruntuhan akhlak seperti aktiviti pelacuran yang berlaku tidak dilihat sebagai satu penyakit sosial yang serius oleh pihak yang bertanggungjawab untuk mengambil langkah-langkah pencegahan. Aktiviti pekerja seks atau pelacuran ini tidak dipandang oleh pihak bertanggungjawab dalam usaha menangani atau memberi pelayanan yang lebih baik dengan memberi kesedaran kepada pelaku untuk keluar dari lompong kemaksiatan.

Dalam hal ini, Islam menuntut manusia untuk sentiasa bijaksana dalam mengatur urusan kehidupan (2017). Berbeza dengan Barat di mana mereka menganggap hak asasi manusia adalah hak semulajadi yang lahir dari kedaulatan mutlak manusia yang *superior* dan tidak ada kedaulatan lain yang mengatasinya, sedangkan penghormatan Islam kepada manusia bertitik tolak daripada ‘ubudiah dan ketaatan. Ini bermakna ada masa tertentu di mana manusia akan terjejas daripada mendapat penghormatan itu iaitu apabila mereka kufur dan menjauhi tuntutan ubudiah tersebut, atau apabila ia menjauhi kebenaran yang menjadi unsur terpenting untuk pengisian maksud kemanusiaannya. Perkara ini tidak diakui oleh pemikiran Barat yang beranggapan bahawa manusia tetap memiliki hak semulajadi tersebut walaupun ia menyimpang jauh seperti melakukan keganasan dan kejahatan. Barat juga sangat menghubungkan hak asasi manusia dengan kebebasan individu semata-mata yang menyebabkan lahirnya sistem liberal demokrasi yang berteraskan kontrak sosial di mana sistem ini menekankan keutamaan kepentingan individu mengatasi kepentingan ramai. Bagi Barat, hak manusia adalah *absolute* dan mutlak, manakala bagi Islam, hak ini terikat dengan Maqasid al-Syari’ah dan tidak bercanggah dengan kepentingan jamaah yang dianggotai oleh seseorang insan berkenaan. Dengan kebijaksanaan itu, manusia akan sentiasa dapat memelihara “fitrah”nya (untuk menyembah Allah SWT), dan sekali gus memelihara perjanjian azali (*Taklif*)nya itu.

## Kesimpulan

Realiti sosial yang dibawa oleh wanita dalam cerpen kajian diharapkan dapat disampaikan amanatnya secara menyeluruh kerana cerpen ini berlatarbelakangkan kepelbagaiannya masyarakat di Malaysia. Pemerhatian pengkaji, dapatlah dikatakan bahawa nilai-nilai keruntuhan akhlak yang disingkap melalui watak wanita dalam teks kajian sangat bertentangan dengan syariat Islam. Kebarangkalian ini timbul kerana pada dasarnya masyarakat yang ditampilkan dalam cerpen kajian terdiri daripada masyarakat majmuk yang menganuti pelbagai agama, dan Islam paling dominan. Pengenaan kerangka *Taklif* dalam cerpen kajian menggalakkan lagi peri

pentingnya golongan pelacur yang ditampilkan dalam teks diberi peluang untuk menjalani kehidupan berlandaskan Islam yang benar sesuai dengan tuntutan syariah. Dari perspektif sasteranya pula, teks yang baik adalah teks yang memerihalkan ke arah melakukan perkara-perkara yang baik selaras dengan tuntutan syariah. Penulisan makalah ini dengan harapan dapat menjadi tarikan kepada para pengarang agar dapat menghasilkan karya yang dapat memberikan pengajaran yang baik kepada para pembaca. Hal ini kerana karya yang baik adalah karya yang dapat mengajak para pembaca untuk melakukan perbuatan yang baik selaras dengan tuntutan Allah. Kerangka Taklif setidak-tidaknya menyedarkan pembaca untuk memahami teks, lantaran membawa golongan pelacur kembali ke pangkal jalan menjalankan kehidupan berlandaskan Al-Quran menjalani kehidupan mengikut suruhan Tuhan.

## Rujukan

- Abdul Hadi Zakaria. (1980). *Pelacur Dan Pelacuran Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Printcorp Sdn. Bhd
- Abrams, M.H., (1981). *The Mirror and The Lamp*. London-New York: Oxford University Press.
- Abu Bakar Hamid. (1974). "Arah Perkembangan Kesusasteraan Melayu" kertas kerja dalam *Seminar Kesusasteraan Nusantara*, 1973. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ang Saw Yee. (1998). *Kongsi Gelap Cina Dan Selangor Sejarah Awal Hingga Tahun 1990*. Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- A. Samad Said. (1966). *Ka-manaTerbangnya Si Burong Senja?* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Malaysia. (2008). Convention on the Elimination of Discrimination against Women (CEDAW). Reading in *Humans Right and Law Enforcement* ISBN 978-983-2523-47-5. Artikel 6
- Elizatul Nastaysah & Zariat Abdul Rani. (2016). *Representasi Watak Wanita Dalam Karya Sastera Melayu Modern Berdasarkan Kerangka Taklif*. Tesis Sarjana. UPM
- Elizatul Nastaysah & Zariat Abdul Rani. (2017). Satu Analisis Terhadap Watak Fatimah dalam Cerpen "Perempuan Gusti" dan "Fatimah Kahwin" karya Hamzah Hussin. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa*. <https://doi.org/10.51200/manu.v25i0.760> [diakses pada 8.8.2021]
- Endraswara, Suwardi. (2011). *Metodologi Penelitian Sastera: Model, Teori, dan Aplikasi*. Yogyakarta: Caps.
- Faisal Tehrani. (2019). *Melacur, Melombong di Kelantan sekitar 1930an*. <https://www.malaysiakini.com/columns/462763>. [28 Mac 2019].
- HMA. Tihami. (1998). *Taklif Dan Mukallat Menurut Al-Syeikh Muhammad Nawawi Al-Bantani*. <https://sites.google.com/site/nimusinstitut/taklif-dan-mukalaf> [diakses pada 1 Ogos 2021]
- <http://www.mabims.gov.bn/kertas%20kerja/forms/allitems.aspx> HAKASASIMANUSIADAR IPERSPEKTIFISLAM [diakses pada 8.8.2021]
- J.M Gullick. (1970). *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Saleeh Rahmad. *Kuala Lumpur Kita Yang Punya: Paparan Realiti Sosial, Bebas Nilai Bebas Ruang*. Kertas Kerja Seminar Dewan Bahasa Dan Pustaka t.th. Anjuran Dewan Bahasa Dan Pustaka Kuala Lumpur, t.tk, [01 Disember 2018].

- Merryany Bowle, "Kajian Hak Asasi Manusia Terhadap Perlakuan Diskriminasi Kepada Pekerja Seks Komersial." Vol.xx1/No.3/April-Jun. 2013, hal.13
- Mohd. Affandi, Ungku Maimunah Mohd Tahir & Mohd Zariat Abdul Rani. (2008). *Gagasan Persuratan Baru: Pengenalan dan Penerapan*. Bangi: ATMA UKM
- Mohd Affandi. (2005). *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid* (Ed. Ke2). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd. Affandi. (2014). *Gagasan Persuratan Melayu Baru* (Edisi Ke2). Bangi: Penerbit UKM
- Nur Asnida Abu Bakar. (2010). Kegiatan Pelacuran di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, 1986-1930. *Disertasi* Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Hal.15.
- Othman Puteh (peny.). (1993). *Hati Muda Bulan Muda*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Rahmah Ahmad Osman. (2011). *Sastera Islam: Satu Perbandingan Antara Pandangan Mohd Affandi dengan Abu al-Hassan Ali al-Nadwi*. Singapura: Universiti Teknologi Nanyang
- Rene Welle, Rene & Warren, Austin. (1966). *Theory of Literature*. London: Penguins Books.
- Semi, M. Atar. (1983). *Metode Penelitian Sastera*. Bandung: Angkasa.
- Shah Wali Allah al-Delhi r.h., (1996). The Conclusive Argument from God. Terj. Hermansen, Marcia K. New York: E.J Brill
- Tafsir Quran*. (2010). Resam Othmani. Perak: Maghfirah Pustaka Al-Madani Enterprise.
- Teeuw. A., (1983). *Membaca Dan Menilai Sastera*. Jakarta. Penerbitan PT Gamedia
- Teeuw. A., (1992). *Membaca Dan Menilai Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Universiti Sains Malaysia. (1974). "Prostitutes and Prostitution in Malaya Between the 1980's and 1930's." Kajian Kes. Universiti Sains Malaysia. Hal.1
- Wan Z. Kamaruddin Bin Wan Ali. (2009). *Konsep Kewajiban dan Tanggungjawab (al-Taklif) Dalam Pemikiran Islam: Penerapan dan Aplikasinya Dalam Kehidupan Masyarakat Muslim*.[http://eprints.um.edu.my/3616/1/%5B2009%5D\\_KONSEP\\_ALTAKLIF\\_DALAM PEMIKIRAN\\_ISLAM\\_.pdf](http://eprints.um.edu.my/3616/1/%5B2009%5D_KONSEP_ALTAKLIF_DALAM PEMIKIRAN_ISLAM_.pdf) [diakses pada 1 Ogos 2021]